



AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

DI-TERBITKAN DUA KALI SA-BULAN PADA HARI RABU PERTAMA DAN KETIGA

TAHUN 7: BIL: 17.

RABU, 5 SEPTEMBER, 1962 (6 Rabiul Akhir, 1382)

PERCHUMA

PILEHAN RAYA MAJLIS2 MESHUARAT DAERAH:

MENTERI BESAR BRUNEI

Puji Para Pengundi Dan Petugas

BANDAR BRUNEI — Pilehan Raya yang pertama sa-kali di-negeri ini untuk merebut kerusi2 dalam Majlis2 Meshuarat Daerah telah di-adakan pada 30 Ogos dengan suasana yang amat meriah dan teror. Beribu2 orang pengundi dari 23 kawasan pemilihan yang bertanding telah keluar mengundi dengan tidak sedikit pun menghadapi kesulitan.

Tempat2 membuang undi itu telah di-buka pada pukul 8 pagi dan di-tutup pada pukul 6 petang. Bagaimana pun, dalam beberapa buah kawasan tempat2 membuang undi telah di-tutup lebih awal sa-bagai mana yang telah di-tetapkan.

Di-antara orang2 yang membuang undi itu ia-lah Menteri Besar Brunei, Yang Amat Berhormat Dato Setia Marsa Ma'un. Beliau telah membuang undi di-Sekolah Melayu Persempuan Raja Isteri Fatimah Bandar Brunei pada pukul 9 pagi.

Sa-lepas itu Yang Amat Berhormat Dato Setia Marsa Ma'un disertai oleh Setia Usaha Kerajaan Brunei, Yang Berhormat R. bin Raja Haji Kamal zaman telah melawat ka-tempat membuang undi di-kawasan Kupang-Birau, Sinaut, Pekanjong-Kerian, Pekan Tutong Sungai Liang, Jalan Seria dan Pekan Belait.

Sa-baik sahaja selesai lawatan tersebut, Pengarang PELITA BRUNEI telah mengadakan satu pertemuan dengan Yang Amat Berhormat Dato Setia Marsa Ma'un dan beberapa pegawai pejabat. Dalam pertemuan itu, Yang Amat Berhormat Dato Setia Marsa Ma'un berkata bahawa beliau berasa sangat sukachita kerana melihat pengundi2 yang telah menjalankan kewajiban masing-masing dengan baik belaka dan mereka telah tidak menempoh sa-barang kerumitan pun.

Yang Amat Berhormat Dato Setia Marsa Ma'un juga telah mengucapkan tahniah kepada Pegawai2 Pilehan Raya serta orang2 lain yang telah bertanggung jawab bagi melancarkan pilehan raya itu dengan sempurna.

Dalam pemilihan tersebut, 23 kerusi dari 23 buah kawasan pemilihan yang bertanding telah di-menangi oleh chalon2 Partai Ra'ayat Brunei.

Partai Ra'ayat Brunei

Tiga puluh empat orang chalon Partai Ra'ayat Brunei telah menang dengan tidak payah bertanding pada hari menamakan chalon.

Dengan hal yang demikian, 54 daripada 55 buah kerusi dalam Majlis2 Meshuarat Daerah di-menangi oleh Partai Ra'ayat Brunei.

Kerusi yang tunggal itu di-

menangi oleh Inche Metusin bin Ali Akbar, sa-orang chalon bebas yang bertanding di-kawasan Labu, Daerah Temburong. Tandanya ia-lah bola.

Inche Metusin telah mengalahkan chalon Partai Ra'ayat Brunei, Inche Hidup bin Zakaria dengan kelebihan 14 undi. Inche Metusin mendapat 61 undi manakala Inche Hidup mendapat 47 undi.

Chalon yang banyak sa-kali (Lihat Muka 4)

DYMM Mengishtiharkan Pembukaan Rasmi Kursus Ugama

BERAKAN — Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Maulana Al-Sultan telah bertitah bahawa Ugama ia-lah pemimpin



Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan kelihatan bertitah pada masa merasmikan pembukaan kursus ugama baharu2 ini.

semangat atau rohani kepada bangsa. Ugama Islam ia-lah pemimpin kita dalam segala lapangan dan ugama yang menyuroh umatnya pada sa-tiap masa maju dan bertambah2 maju, tegas baginda.

Baginda bertitah tatkala mengishtiharkan pembukaan rasmi kursus pegawai2 Ugama sa-luruh Brunei yang telah berlangsung di-Maktab Perguruan Melayu Brunei ini pada 26 Ogos lepas.

Kursus yang berjalan sa-lama ini ini adalah menganjurkan sa-sasaran2 dalam lapangan pendidikan, kesihatan, undang2 negara, pertanian dan dalam lapangan sa-sains, ehwal ugama-

suatu kaum melainkan mereka sendiri yang mengubahnya.

"Maka jelas dan nyata bahawa Allah telah mengingatkan sa-saorang atau sa-satu bangsa itu haruslah berusaha sedaya upaya untuk kemajuan diri mereka dan Allah akan menolong mereka dalam usaha2 mereka itu.

"Sa-benar-nya tidak-lah patut dipandang sambil lalu sahaja akan mustahak-nya pimpinan ugama kepada sa-satu bangsa yang sedang memajukan diri, kerana ugama ia-lah pimpinan semangat atau rohani kepada bangsa. Ugama Islam ia-lah pimpinan kita dalam segala lapangan.

"Sa-bagai umat atau ra'ayat yang beragama Islam maka hidup dan chaya pergaulan hidup kita haruslah betul berada di-atas jalan Ugama Islam. Ugama Islam sa-tiap masa menyuroh umatnya maju dan bertambah2 maju," tegas baginda lagi.

Kemudian Baginda menyeru supaya pegawai2 Ugama di-seluruh negeri mengambil peluang bagi menambah lagi pengetahuan dan pengalaman mereka dalam segala lapangan jua.

"Suroh pegawai2 ugama di-negeri ini hendaklah mengambil segala peluang bagi menambah lagi pengetahuan dan pengalaman dan pengalaman dalam segi hukum2 shara' bahkan juga dalam pengetahuan yang mengenai kemajuan hidup seperti peraturan undang2 negeri, pertadbiran, iktisad, kesihatan dan hal ehwal kemaharakanatan."

Kira2 sa-ramai 240 orang lelaki dan perempuan, kebanyakan terdiri dari guru2 ugama telah mengambil bahagian dalam kursus yang julong2 kan di-adakan di-Brunei. Kursus ini telah di-awalkan oleh Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei.

Pengerusi Pegawai Hal Ehwal Ugama Negeri Brunei, Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Haji A. bin Pengiran Haji Mohamed Daud telah juga memberikan satu ucapan yang berbeza di-mula penutupan rasmi Kursus Ugama tersebut.

Pada penghujung kursus itu pegawai2 ugama yang mengambil bahagian telah berpeluang melawat ka-Jabatan Sa-ran Radio dan Penerangan, Rumah Sakit Besar dan Ampangan Ayer di-Tasek.

Duli Yang Maha Mulia bertitah bahawa Allah Subhanahu wa ta'ala ada berfirman yang berkesan. Allah tidak akan menundukkan sa-saorang yang mengubah keadaan sa-saorang sa-

D.Y.M.M. Merasmikan Pembukaan Persidangan Majlis Meshuarat Negeri Brunei

BANDAR BRUNEI. — Del Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin telah merasmikan pembukaan Meshuarat Pertama dari Musim Permeshuaratan Ka-empat, Majlis Meshuarat Negeri Brunei di Dewan Kemasyarakatan, Bandar Brunei pada pagi hari Rabu 28 Ogos, 1963.

Upacara itu telah di-mula dengan Petarakan Dato Speaker tepat pada pukul 9 pagi sa-bagai mana yang telah di-ras-kan dan di-ikuti dengan bacahan Do'a Selamat oleh Kadhi Daerah Temburong, Inche Isiah bin Adam.

MENGHADIRI PERSIDANGAN PEREKONOMIAN

BERAKAS. — Awang Husin bin Pehin Orang Kaya di-Gadong Dato Paduka Haji Mohamed Yusof, sa-orang Pegawai Perkhidmatan Pentadbiran Negeri Brunei telah berlepas ka-Bangkok dengan kapal terbang melalui Singapura pada petang 29 Ogos yang lalu untuk menghadiri Persidangan Petubuhan Pertanian dan Permakanan serta Surehan Jawa Perekonomian untuk Asia dan Timor Jauh.

Beliau telah di-temani oleh Penasehat Ekonomi Pertubuhan Bangsa2 Bersatu kepada Kerajaan Brunei, Doktor J. S. Gould sa-bagai Penasehat-nya.

Persidangan itu telah di-mulai pada 2 September dan di-jangka tamat pada 14 September.



Awang Husin dan Doktor Gould bergambar di-bangunan Lapangan Terbang Brunei sa-belum berlepas ka-Bangkok pada 29 Ogos, 1963.

Kemudian di-adakan istiadat mengangkat sumpah oleh semua ahli2 Majlis Meshuarat Negeri Brunei di-dahului oleh Dato Speaker Yang Berhormat Pehin Dato Perdana Menteri Dato Seri Paduka Haji Ibrahim bin Mohamed Jahfar dan di-turuti oleh Menteri Besar Brunei, Yang Amat Berhormat Dato Setia Marsal bin Ma'un; Tumbahan Menteri Besar Brunei, Yang Berhormat Pengiran Dato Setia Haji Ali bin Pengiran Haji Mohamed Daud; Setia Usana Kerajaan, Yang Berhormat Raja Azam bin Raja Kamarulzaman dan lain2-nya.

Juru Tulis Majlis Meshuarat Negeri Brunei, Yang Mulia Pengiran Haji Abdul Rahman bin Pengiran Haji Abdul Rahman dan Penolong Juru Tulis Majlis Meshuarat Negeri Brunei, Awang Chuchu bin Pang'irna Asgar telah juga mengangkat sumpah di-majlis tersebut.

BAGINDA TIBA

Persidangan tersebut telah berehat kerana menunggu kedatangan Duli Yang Maha Mulia sa-lepas penobretukan Majlis Meshuarat Pertama di Musim Persidangan Ketiga Majlis Meshuarat Negeri Brunei yang telah di-adakan pada 10 Oktober, 1962.

Baginda telah tiba di-hadapan Bangunan Dewan Kemasyarakatan dan di-sambut dengan Tabak Kehormatan di-hadapan Pasukan Polis Brunei. Kemudian Baginda pun memeriksa Barisan Kehormatan Polis Brunei.

Sa-baik sahaja Baginda selesai memeriksa Barisan Kehormatan tersebut Baginda pun di-sambut dan di-luluskan oleh Yang Ber-

hormat Dato Speaker Majlis Meshuarat Negeri Brunei dan beliau memperkenakan Baginda kepada Ahli2 Majlis Meshuarat Kerajaan Brunei.

BERANGKAT KA-DEWAN

Sa-lepas berajat sa-jurus, Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan berangkat masuk ka-Dewan Kemasyarakatan dan di-duduki Singgahsana Baginda di-atas pentas dewan itu.

Kelihatan duduk di-atas kerusi2 di-atas pentas itu ialah: Pesuruh Jawa Tinggi Inggeris di-Brunei, Yang Terutama Inche A. M. Macintosh; Duli2 Wazir, Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Bendahara dan Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Pemancha serta Dato Speaker, Yang Berhormat Pehin Dato Perdana Menteri Dato Seri Paduka Haji Ibrahim bin Mohamed Jahfar.

Kemudian Yang Berhormat Dato Speaker mengumumkan bahawa Duli Yang Maha Mulia akan melafatkan Titah Baginda dari Singgahsana.

Yang Amat Berhormat Menteri Besar pun menyebarkan Surat Titah Uchapan kepada Duli Yang Maha Mulia.

Sa-lepas Baginda melafatkan Titah, Yang Berhormat Dato Speaker kelihatan duduk di-tempat beliau dalam dewan itu dan menanggalkan meshuarat.

Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan telah berangkas ka-Ka-Istora Darul Hana sa-lepas bergambar ramai dengan Pesuruh Jawa Tinggi Inggeris di-Brunei, Yang Teramat Mulia Duli2 Wazir, Yang Berhormat Raja Sa'adat, Yang Amat Berhormat Menteri Besar Brunei dan lain2-nya.

Majlis Meshuarat Negeri Brunei itu telah di-sambungkan sa-mula pada pukul 2.15 petang hari tersebut dan di-hadiri oleh semua ahli2-nya.

MENYOKONG TITAH D.Y.M.M.

Majlis itu telah meluluskan dengan sa-bulat suara satu usul oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang berbunyi bahawa Majlis ini bersejua dan bersejua satu usul mengucap sa-nembah2 terma kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Sa'ad bin Sa'ad atas keberangkatannya. Usul di-majlis ini pada 28 Ogos, 1963 dan di-ras-kan oleh Yang Berhormat Menteri Besar dan di-ikuti oleh ahli2-nya.

...skan satu usul yang di-kemukakan oleh Yang Berhormat Pegawai Kewangan Negeri berkenaan dengan perkara lantikan Ahli2 Majlis Meshuarat Negeri kepada Ahli2 Jawatan Kuasa Kuat2 Awam Majlis Meshuarat Negeri bagi Musim Permeshuaratan yang bermula pada 28 Ogos.

Majlis itu telah meluluskan satu usul yang di-kemukakan oleh Yang Berhormat Peguam Negara berkenaan dengan perkara lantikan Ahli2 Majlis Meshuarat Negeri menjadi Ahli2 Jawatan Kuasa Tetap untuk memeriksa Perintah2 Tetap Majlis Meshuarat Negeri.

Dua Rang Undang2 yang telah di-kemukakan oleh Yang Berhormat Peguam Negara telah di-luluskan oleh Majlis Meshuarat Negeri Brunei dalam persidangan tersebut, iaitu:

Undang2 Pembayaran dan Kelebiahan2 Ahli2 Majlis Meshuarat Negeri, Tahun 1963 dan Undang2 Mahkamah Besar, Tahun 1963.

Uchapan2 penanggoahan telah di-lafatkan oleh Menteri Besar Brunei, Yang Amat Berhormat Dato Setia Marsal bin Ma'un dan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Ghazali bin Umar.

TERIMA KASEH

Kemudian Dato Speaker, Yang Berhormat Pehin Dato Perdana Menteri Dato Seri Paduka Haji Ibrahim bin Mohamed Jahfar telah membacakan ucapan dalam mana beliau telah menucapkan berbanyak terima kasih kepada semua Ahli2 Majlis Meshuarat Negeri Brunei kerana telah bekerjasama untuk merayakan persidangan ini.

Yang Berhormat Dato Speaker selanjut-nya telah menanggokkan sa persidangan itu ka-satu waktu yang akan datang kelak.

Jawatan Kuasa Kira2 Awam

BANDAR BRUNEI. Majlis Meshuarat Negeri Brunei dalam persidangan-nya pada hari Rabu 28 Ogos telah membentuk sa-buah Jawatan Kuasa Kira2 Awam.

Anggota2 Jawatan Kuasa tersebut ada-lah seperti di-bawah ini:

- Yang Berhormat Inche R. D. Ros, Pengerusi, Yang Berhormat Pengiran Haji Abu Bakar, Pengerusi M. Haniff Salleh, Yang Teramat Tuan Haji Mohamed Daud, Yang Teramat Tuan Haji Sa'ad bin Sa'ad, Yang Teramat Tuan Haji Ghazali bin Umar.

Jawatan Kuasa Tetap Mereka Perintah2 Tetap Majlis Meshuarat Negeri

BANDAR BRUNEI. — Sa-buah Jawatan Kuasa Tetap untuk memeriksa Perintah2 Tetap Majlis Meshuarat Negeri Brunei telah di-bentuk dalam persidangan Majlis Meshuarat Negeri Brunei pada hari Rabu yang lalu.

Jawatan Kuasa ini ada-lah menandomi Speaker Majlis Meshuarat Negeri Brunei Yang Berhormat Pehin Dato Perdana Menteri, Dato Seri Paduka Haji

Ibrahim bin Mohamed, sa-bagai Pengerusi, Pehin Dato Sa'ad bin Sa'ad, Yang Berhormat Pengiran Dato Setia Haji Mohamed Yusof, Pehin Dato Pengiran Haji Abu Bakar, Yang Berhormat Pehin Dato Setia Marsal bin Ma'un, Yang Berhormat Dato Setia Usana Kerajaan, Yang Berhormat Raja Azam bin Raja Kamarulzaman dan lain2-nya.

D. Y. M. M. MENGURNIAKAN TAULIAH KAPADA M. B. DAN S. U. K.



Yang Berhormat Raja Azam bin Raja Hj. Kamaralzaman sedang menerima kurniaan tauliah lantekan sa-bagai Setia Usaha Kerajaan Brunei daripada Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan.

BANDAR BRUNEI. — Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin telah mengurniakan tauliah lantekan Menteri Besar Brunei kepada Yang Amat Berhormat Dato Setia Marsal bin Ma'un dan tauliah lantekan Setia Usaha Kerajaan Brunei kepada Yang Berhormat Raja Azam bin Raja Haji Kamaralzaman.

Istiadat tersebut telah diadakan di-Pasiban Agong, Istana Darul Hana pada petang 25 Ogos dan di-saksikan oleh kira2 200 orang dhaif2 kenamaan termasuk Ahli2 Majlis Meshuarat Diraja, Ahli2 Majlis Meshuarat Kerajaan, Ketua2 Pejabat, Pegawai2 Kanan Kerajaan, Pehin2 dan Pegawai2 Mesjid.

Dato Setia Marsal telah di-istiharkan sa-bagai Menteri Besar Brunei yang telah bersara mulai pada 1 Ogos, 1962.



Yang Amat Berhormat Dato Setia Marsal bin Ma'un kelihatan menzierahi Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan sa-lapas menerima kurniaan tauliah lantekan sa-bagai Menteri Besar Brunei, daripada Duli Yang Maha Mulia.

Raja Azam, bekas Setia Usaha Kerajaan, Negeri Sembilan, telah di-pinjamkan oleh Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu mulai pada 1 January, 1962 sa-bagai menggantikan jawatan Wan Ahmad bin Wan Omar yang juga di-pinjamkan oleh Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu kepada Kerajaan Brunei.

Raja Azam, bekas Setia Usaha Kerajaan, Negeri Sembilan, telah di-pinjamkan oleh Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu mulai pada 1 January, 1962 sa-bagai menggantikan jawatan Wan Ahmad bin Wan Omar yang juga di-pinjamkan oleh Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu kepada Kerajaan Brunei.

PENGAKAP2 BRUNEI KA-SIBU

BANDAR BRUNEI. — Empat pasokan pengakap Brunei yang mengandongi seramai 30 orang pengakap telah belayar dari sini ka-Sibu dengan kapal "Suitan" pada pagi 18 Ogos untuk mengambil bahagian dalam upacara perkhemahan dan latehan pengakap2 dari Brunei, Sarawak dan Borneo Utara mulai daripada 21 hingga 26 Ogos.

Rombongan pengakap2 tersebut ada-lah di-ketuai oleh Pesuruh Jaya Pengakap Daerah Belait, Inche Foo Kia Inn.

Inche Foo telah berangkat ka-Sibu dengan kapal terbang pada 22 Ogos.

Pegawai Pentadbir Kerajaan Sarawak, Yang Terutama Tuan Jakeway telah mengishtiharkan pembukaan rasmi perkhemahan pengakap2 tersebut pada 21 Ogos.

Seramai 40 pasokan pengakap dari wilayah2 Borneo telah menghadhiri perkhemahan tersebut.



Setu pemandangan para hadhirin di-istiadat mengurniakan tauliah2 lantekan Menteri Besar Brunei dan Setia Usaha Kerajaan Brunei di-Pasiban Agong Istana Darul Hana pada masa do'a selamat sedang di-bachakan.

Menghadhiri Seminar Pegawai2 Penjara Di-Tokyo

BERAKAS. — Penguasa Penjara, Brunei, Pengiran Hidup bin Pengiran Hashim telah berlepas ka-Tokyo dengan kapal terbang melalui Singapura pada 25 Ogos untuk menghadhiri seminar Pegawai2 Penjara.

Seminar itu di-adakan di-Yaya-san Fuchu di-Tokyo sa-lama empat bulan mulai dari awal bulan ini di-bawah anjoran Pertubuhan Bangsa2 Bersatu.

Sa-jurus sa-belum berlepas ka-Tokyo, Pengiran Hidup berkata bahawa wakil2 dari 14 buah negara di-Asia di-jangka akan menghadhiri seminar tersebut untuk mengkaji perkara2 yang bersang-

kut paut dengan perkara2 penche-gahan jenayah dan layanan2 kapada banduan2 serta mengenai lain2 perkara yang mustahak.

Pengiran Hidup di-jangka balik ka-Brunei dalam bulan January tahun hadapan.

KA-MALAYA

BERAKAS. — Pesuruh Jaya Buroh Negeri Brunei, Pengiran Bahar bin Pengiran Shahbandar Anak Hashim telah berlepas ka-Persekutuan Tanah Melayu dengan kapal terbang pada 19 Ogos untuk menghadhiri kursus mengenai masalah buroh di-Kuala Lumpur sa-lama sa-bulan.

Kemudian Pengiran Bahar akan meninjau ka-beberapa buah negeri di-Persekutuan Tanah Melayu untuk memerhatikan pekerjaan2 yang di-lakukan di-Pejabat2 Buroh di-negeri2 itu.

PERAYAAN HARI WANITA

BERAKAS. — Tiga orang wakil dari Brunei ka-perayaan Hari Wanita Malaya telah berlepas ka-Kuala Lumpur dengan kapal terbang pada 21 Ogos.

Mereka ia-lah Dayangku Intan binti Pengiran Apung, Dayangku Meriam binti Pengiran Metali dan Puan Masni binti Awang.



Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran: Muda Mahkota telah berangkat ka-Persekutuan Tanah Melayu dengan kapal terbang baharu2 ini untuk melanjutkan pelajaran di-sana sa-lapas berchuti di-Tanah Ayer. Y.T.M. Duli Pengiran Muda Mahkota telah di-iringi oleh Yang Teramat Mulia Pengiran Muda Mohamed Bolliah, ia-itu Putera yang kedua kapada Duli2 Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan dan Raja Isteri serta beberapa orang Putera Diraja yang telah juga berangkat ka-Persekutuan Tanah Melayu untuk melanjutkan pelajaran sa-lapas berchuti di-Negeri Brunei. Dalam gambar ini kelihatan Pegawai2 Kerajaan sedang menguchapkan selamat berangkat ka-Persekutuan Tanah Melayu kapada Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Muda Mahkota. Berdiri di-sabalah kiri ia-lah Menteri Besar Brunei, Yang Amat Berhormat Dato Setia Marsal bin Ma'un.

PILEHAN RAYA MAJLIS2 MESHUARAT DAERAH

(Dari Muka 1)

mendapat kelebihan undi ia-lah Inche Mohamed Tajin bin Awang Jaya, chalon Partai Ra'ayat Brunei yang bertanding di-kawasan Bukit Pasir di-Daerah Tutong. Inche Tajin telah mendapat 398 undi dan Haji Ghazali bin Umar yang menentang-nya di-kawasan tersebut hanya mendapat 13 undi.

KEPUTUSAN

Keputusan Pilehan Raya Majlis2 Meshuarat Daerah yang telah di-langsungkan pada hari Khamis yang lalu ia-lah seperti di-bawah ini :

DAERAH BRUNEI: Kawasan Padang — Pengiran Haji Yusof bin Pengiran Mohamed Limbang (Partai Ra'ayat Brunei) — 181 undi. Awang Ali bin Haji Abu Bakar (Bebas) — 33 undi. Sumbiling — Inche Zaini bin Haji Ahmad (Partai Ra'ayat Brunei) — 266 undi. Haji Hasbollah bin Haji Mohamed Daud (Pergerakan Bersatu Brunei) — 25 undi. Sungai Kedayan — Awang Hapidz Laksamana (Partai Ra'ayat Brunei) — 333 undi. Awang Mohamed Taib bin Haji Mohamed Salleh (Bebas) — 126 undi. Pemancha-Sultan Lama — Sulaiman bin Puteh (Partai Ra'ayat Brunei) — 308 undi. Dayang Nahriah binti Mohamed Daud (Bebas) — 141 undi.

DAERAH TUTONG: Kawasan Sinaut — Inche Mohamed Idris bin Haji Mohamed Sa'id (Partai Ra'ayat Brunei) — 286 undi. Abdul Ghani bin Orang Kaya Setia Negara Mohamed Safar (Pertubohan Kebangsaan Brunei) — 10 undi. Penanjong-Keriam — Inche Abdul Wahab bin Orang Kaya Safar (Partai Ra'ayat Brunei) — 257 undi. Inche Simpol bin Abdul Latiff

(Pertubohan Kebangsaan Brunei) — 42 undi. Pekan Tutong — Inche Mohamed Akip bin Abdul Ghani (Partai Ra'ayat Brunei) — 183 undi. Inche Abdul Manan bin Mohamed (Pertubohan Kebangsaan Brunei) — 77 undi. Bukit Pasir — Inche Mohamed Tajin bin Awang Jaya (Partai Ra'ayat Brunei) — 398 undi. Haji Ghazali bin Umar (Bebas) — 13 undi. Kiudang — Inche Othman bin Talipuddin (Partai Ra'ayat Brunei) — 146 undi. Inche Belanchai bin Sidu (Bebas) — 106 undi. Lamunin — Inche Johari bin Abang Yusof (Partai Ra'ayat Brunei) — 218 undi. Orang Kaya Pekerma Dewa Lukan bin Uking (Bebas) — 42 undi. Kuala Abang — Inche Sabtu bin Hassan (Partai Ra'ayat Brunei) — 67 undi. Awang Abang bin Sahat (Pertubohan Kebangsaan Brunei) — 36 undi. Benutan — Inche Mohamed Yusof bin Tengah (Partai Ra'ayat Brunei) — 23 undi. Inche Resil bin Haji Lahed (Bebas) — 9 undi. Kupang-Birau — Inche Maidin bin Isa (Partai Ra'ayat Brunei) — 262 undi. Tuan Haji Ratu bin Ismail (Bebas) — 19 undi. Inche Suhaili bin Khatib Wahid (Pertubohan Kebangsaan Brunei) — 4 undi. Tanjung Maya — Awang Mohamed Zain bin Serudin (Partai Ra'ayat Brunei) — 277 undi. Inche Jia'an (Bebas) — 66 undi. Inche Morsilin bin Baik (Pertubohan Kebangsaan Brunei) — 40 undi. Ukong — Inche Bakri bin Haji Mohamed Serudin (Partai Ra'ayat Brunei) — 130 undi. Inche Binchin bin Bundan (Bebas) — 86 undi. Inche Ringgit (Pertubohan Kebangsaan Brunei) — 61 undi. Rambai —

Inche Damit bin Salleh (Partai Ra'ayat Brunei) — 68 undi. Inche Marikan bin Orang Kaya Andar (Bebas) — 65 undi. Pengiran Suhaili bin Pengiran Talib (Pertubohan Kebangsaan Brunei) — 0 undi.

DAERAH BELAIT: Sungai Liang — Inche Payong bin Buri (Partai Ra'ayat Brunei) — 196 undi. Inche Bundang bin Luyah (Bebas) — 23 undi. Jalan Seria — Awang Ahmad bin Haji Abdul Razak (Partai Ra'ayat Brunei) — 78 undi. Haji Merusin bin Abdullah (Bebas) — 15 undi. Pekan Belait — Inche Momin bin Almad (Partai Ra'ayat Brunei) — 234 undi. Awang Metali bin Umar Inchi (Bebas) — 18 undi. Balai-Labi — Inche Othman bin Jalil (Partai Ra'ayat Brunei) — 189 undi. Inche Ariff bin Munjon (Bebas) — 52 undi. Bukit Sawat — Inche Arshad bin Abu Bakar (Partai Ra'ayat Brunei) — 126 undi. Inche Ahmad bin Selamat (Bebas) — 54 undi.

Inche Lim Leong Kui (Bebas) — 20 undi.

DAERAH TEMBURONG: Labu — Inche Metusin bin Ali Akbar (Bebas) — 61 undi. Inche Hidup bin Zakaria (Partai Ra'ayat Brunei) — 47 undi. Ujong Jalan — Inche Misir bin Karuddin — (Partai Ra'ayat Brunei) — 84 undi dan Inche Ibrahim bin Ismail (Bebas) — 31 undi.

Maka dengan keputusan tersebut jumlah wakil2 ra'ayat dalam Majlis2 Meshuarat Daerah adalah seperti di-bawah ini :

Majlis Meshuarat Daerah Brunei — 24 orang (semua anggota Partai Ra'ayat Brunei) Majlis Meshuarat Daerah Belait — 12 orang (semua anggota Partai Ra'ayat Brunei). Majlis Meshuarat Daerah Tutong — 12 orang (semua anggota Partai Ra'ayat Brunei). Majlis Meshuarat Daerah Temburong — 6 orang anggota Partai Ra'ayat Brunei dan sa-orang chalon bebas,

WAYANG GAMBAR KERAJAAN

KUALA BELAIT. — Pertunjukan wayang gambar Jabatan Siaran Radio dan Penerangan bagi Daerah Belait dalam bulan ini ada-lah seperti di-bawah ini :
8 September — Kampong Sungai Lumut. 10 September — Kawasan Pasokan Pulis Simpanan Menchegah Rusohan. 11 September — Kampong Sungai Damit, Ulu Belait. 12 September — Bukit Puan, Ulu Belait. 15 September — Kawasan Ibu Pejabat Pulis, Lorong 14, Seria. 17 September — Kampong Sungai Liang. 18 September — Kaw-

san Rumah Orang2 Tua, Seria. 19 September — Kampong Tumpuan Telisai. 22 September — Kelab Melayu Seria. 25 September — Kampong Sungai Teraban, Kuala Belait.

Tamat Berlateh

BERAKAS. — Sarjan Tengah bin Ahmad dari Penjara Jerudong telah balek ka-Brunei dengan kapal terbang dari Malaya pada 25 Ogos sa-telah tamat berlateh selama lima bulan di-Penjara Taiping, Perak.

SIARAN RADIO BRUNEI BAHAGIAN MELAYU

Rancangan Siaran Radio Brunei bahagian Melayu mulai dari 5 hingga 8 September, adalah seperti berikut:—

RABU — 5 SEPTEMBER, 1962

Siaran Pagi

6.30 Selamat Sejahtera
6.32 Bacha'an Al-Koran dan diikuti dengan Lagu2 Tanpa Nyanyian
6.45 Lagu2 Kronchong
7.00 Tanda Waktu dan Rengkasannya Warta Berita
7.05 Pilehan Juru-Hebah
7.30 Rehat

Siaran Tengah Hari

12.30 Selamat Sejahtera
12.32 Hiboran
12.45 Halaman Perbincangan — (S.U.)

1.00 Tanda Waktu dan Warta Berita

1.15 Lagu2 Rampaian

1.30 Rehat

Siaran Malam

7.00 Selamat Sejahtera.
7.02 Hiboran
7.15 Hiboran Pancharagam — Penerbit Abd. Wahab Mohd.
7.45 Lagu2 Perminta'an Suka Rami — Oleh Dk. Intan
8.30 Tanda Waktu dan Warta Berita
8.45 Cherita Pendek — Penerbit

Abd. Wahab Mohd.

8.59 Siaran Melayu Tammat

KHAMIS — 6 SEPTEMBER, 1962

Siaran Pagi

6.30 Selamat Sejahtera
6.32 Bacha'an Al-Koran dan diikuti dengan Lagu2 Tanpa Nyanyian
6.45 Lagu2 Hiboran
7.00 Tanda Waktu dan Rengkasannya Warta Berita
7.05 Perminta'an Sambil Sarapan
7.30 Rehat

Siaran Tengah Hari

12.30 Selamat Sejahtera
12.32 Lagu2 Nyanyian Susanah
12.45 Majallah Sain dan Perusahaan — (S.U.)

1.00 Tanda Waktu dan Warta Berita

1.30 Rehat

Siaran Malam

7.00 Selamat Sejahtera.
7.02 Bacha'an Al-Koran
7.15 Kursus Al-Koran—Oleh Tuan Haji Khalidi
7.45 Sharahan Uagama
8.00 Lagu2 Masir
8.15 Sejarah Islam
8.30 Tanda Waktu dan Warta Berita
8.45 Tafsir Al-Koran—Oleh Ustaz Salleh Haji Abdul Majid
8.59 Siaran Melayu Tammat
Siaran Pagi
6.30 Selamat Sejahtera

6.32 Bacha'an Al-Koran dan diikuti dengan Lagu2 Tanpa Nyanyian

JUMA'AT — 7 SEPTEMBER, 1962

Siaran Pagi

6.45 Lagu2 Melayu Asli
7.00 Tanda Waktu dan Rengkasannya Warta Berita
7.05 Pilehan Juru-Hebah
7.30 Rehat
9.00 Selamat Sejahtera
9.02 Bacha'an Al-Koran
9.30 Pelajaran Uagama Di-Udara
9.45 Jamatul Anashid — Pimpinan Abd. Kadir Awang

10.15 Rengkasannya Warta Berita

10.20 Hiboran

10.29 Rehat

Siaran Tengah Hari

12.30 Selamat Sejahtera
12.32 Mimbar Islam—Sembahyang Juma'at Di-Masjid Omar Ali Saifuddin, selepas itu diikuti dengan Lagu2 Masir

1.30 Rehat

1.45 Hiboran Penutup

Siaran Malam

7.00 Selamat Sejahtera.
7.02 Hiboran Pembuka'an
2.00 Rehat
7.15 Sandiwara Radio — Penerbit Abd. Wahab Mohd
8.00 Lagu2 Perminta'an Suka Rami — Oleh Dk. Intan
8.30 Tanda Waktu dan Warta Berita

8.45 Hiboran Akhir

8.59 Siaran Melayu Tammat

SABTU — 8 SEPTEMBER, 1962

Siaran Pagi

6.30 Selamat Sejahtera
6.32 Bacha'an Al-Koran dan diikuti dengan Lagu2 Tanpa Nyanyian
6.45 Hiboran
7.00 Tanda Waktu dan Rengkasannya Warta Berita
7.05 Perminta'an Sambil Sarapan
7.30 Rehat

Siaran Tengah Hari

12.30 Selamat Sejahtera
12.32 Hiboran
12.45 Asohan Wenita—(S.U.)

1.00 Tanda Waktu dan Warta Berita

1.15 Lagu2 Rampaian

1.30 Rehat

Siaran Malam

7.00 Selamat Sejahtera.
7.02 Lagu2 Rampaian
7.15 Majallah Melalui Udara — Rakaman VOA
7.45 So'alan Di-Udara — Penerbit Abd. Wahab Mohd.
8.00 Lagu2 Hiboran
8.15 Latar Belakang — Rakaman BBC London
8.30 Tanda Waktu dan Warta Berita
8.45 Hiboran Malam Ahad
8.59 Siaran Melayu Tammat
Berita

PEGAWAI2 DAN GURU2 UGAMA PEMANDU2 KEMAJUAN—P. H. ALI

BERAKAS — Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Haji Ali bin Pengiran Haji Md. Usop, Pengurus Pegawai Hal Ehwal Ugama, Brunei, telah berkata bahawa pegawai2 agama dan guru2 ugama adalah juga ketua2 ugama dalam daerah masing2 dan sentiasa dipandang sa-bagai pemandu2 kemajuan agama dan masharakat.

Dato Setia Pengiran Haji Ali telah berucap dalam satu istiadat pembukaan Kursus bagi guru2 dan pegawai2 ugama di-Dewan Maktab Perguruan Melayu, Brunei di-sini pada 26 Ogos lepas.

Kursus yang julung2 kali di-anjurkan oleh Jabatan Hal Ehwal Ugama, yang telah berlangsung sa-lama empat hari itu, mengandungi sharahan2 dalam jurusan iktisad, kesehatan,

di-kampong2 di-daerah2, di-sekolah, ugama dan dalam urusan2 yang berhubung dengan tugas2 yang ada berkaitan dengan pejabat2 kerajaan dan orang ramai.

"Oleh kerana difikirkan bahawa pegawai2 ugama dan guru2 ugama itu ialah juga ketua2 ugama di-daerah masing2 yang akan sentiasa dipandang oleh orang ramai sa-bagai orang2 tu atau pemandu2 kemajuan ugama dan

DYMM Rasmikan Pembukaan Mesjid Kampong Keriam

KERIAM. — Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Maulana Al-Sultan telah melangsungkan pembukaan rasmi sa-buah lagi Mesjid baharu di-Kampong Keriam, Jalan Tutong, pada 24 Ogos lepas.

Sa-belum mengisytiharkan pembukaan, baginda telah menyampaikan titah nasehat dan perasaan shukur, dan sukachita kerana peluang untuk membuka sa-buah lagi rumah ibadat bagi umat2 Islam di-Brunei.

Antara lain baginda bertitah: "Saya sukachita melihat bahawa pada hari ini dengan izin Allah sa-buah lagi rumah ibadat bagi umat Islam di-negeri ini sudah-lah terdiri dan dengan itu menambahkan bilangan mesjid2 yang ada.

SEMANGAT KE-ISLAMAN

"Terdiri-nya mesjid ini adalah menunjukkan ada-nya rasa kasih dan chemburu umat Islam penduduk2 di-kampong ini terhadap Ugama Islam. Ujud-nya mesjid baharu ini yang di-bangunkan dengan wang dan tenaga penduduk2 di-sini dan juga derma dari kaum Muslimin di-negeri ini adalah menunjukkan ada-nya semangat ke-Islaman dan perpaduan yang kuat di-antara tiap2 orang di-kampong ini.

"Saya yakin sa-kira-nya orang2 Islam kita sentiasa bersemangat untuk memajukan ugama-nya dan meninggikan shiar Islam, bersatu padu, tolong menolong pada jalan kebajikan sa-bagaimana yang di-perentahkan oleh Allah dan Rasul-nya, insha Allah kita akan menjadi satu umat atau

hamba Allah yang baik dan mamu serta beroleh kemuliaan dan kebahagiaan di-dunia dan di-akhirat."

Baginda sa-terus-nya mengingatkan bahawa mesjid adalah tempat orang2 Islam berkumpul dan mengadakan istiadat2 ugama seperti bertadris, sembahyang Hari Raya Puasa dan Haji, dan juga bernashoarat untuk memajukan ugama dan masharakat dan tempat menuntut ilmu.

"Mesjid ialah rumah atau tempat yang suci untuk orang2 Islam berkumpul sembahyang juma'ah dan juma'at dan mengadakan istiadat2 ugama yang lain2 seperti bertadris malam2 bulan Puasa, sembahyang sunat Raya Puasa dan Haji, sunat gerhana matahari dan bulan dan sa-umpama-nya

TEMPAT BERKUMPUL

"Mesjid juga tempat orang2 Islam berkumpul untuk bermashuarat dalam hal2 bagi memajukan ugama dan masharakat umat Islam atau mengadakan majlis2 mengajar dan belajar Al-Quran dan ilmu2 ugama."

"Ugama Islam," tegas baginda, "ialah ugama sajehtera, ugama yang benar dan suci. Tiap2 orang Islam haruslah berhati suci pula dalam urusan ugama-nya dan hendaklah insaf bahawa kemajuan kita di-negara yang di-kaschi ini ialah kerana ra'ayat sentiasa di-dalam aman, sajehtera dan bersatu padu serta hidup di-atas dasar persaudaraan dan tolong menolong antara satu dengan yang lain," kata baginda.

Baginda kemudian-nya mengucapkan tahniah kepada orang2 kampong Keriam atas ketayaan dan kerjasama yang rapat untuk dapat mendirikan sa-buah lagi mesjid yang baharu di-Negeri Brunei.



Sa-bahagian dari Guru2 Ugama wanita dan lain-nya kelihatan dalam gambar ini pada masa menghadiri upacara pembukaan rasmi Kursus Ugama oleh Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan di-dewan Maktab Perguruan Melayu

uang2 negeri dan lawatan2 ka-pejabat2 Kerajaan dan ampangan ayer di-Tasek.

Dato Setia Pengiran Haji Ali telah menerangkan chita2 hendak mengadakan kursus itu sudah pun ada dalam rancangan sejak tahun yang lalu dan perbelanjaan-nya di-masokkan dalam anggaran perbelanjaan tahun ini.

Beliau berkata "Pegawai2 Ugama dan juga guru2 serta pegawai2 mesjid ada-lah mustahak di-beri pelajaran2 ringkas mengenai perkembangan2 yang berlaku dari masa ke-semasa dari segi pertadbiran

masharakat ra'ayat maka haruslah pegawai2 ini faham dengan sa-chukup-nya akan kehendak2 dan perubahan kemajuan negeri ini supaya memudahkan pimpinan dan nasehat mereka kepada anak2 buah mereka untuk turut serta dalam menjayakan pembangunan ugama dan bangsa."

Kemudian Dato Setia Pengiran Haji Ali menegaskan bahawa sa-lain dari pelajaran2 ringkas yang akan di-ikuti oleh peserta2 kursus mereka akan dilatih membiasakan diri dengan tata tertib peratoran kerajaan.

Mereka juga akan berpeluang berkenalan satu sama lain dari daerah2 yang berasingan dan dengan jalan itu bolehlah bertukar2 fikiran dan pengalaman yang akan menambah ilmu pengetahuan mereka, kata Dato Setia Pengiran Haji Ali.

Sharahan Ugama

Jadual lawatan anggota2 Badan Penerangan Ugama Islam mulai dari 7 hingga 14 September adalah seperti di-bawah ini:
7 September — Di-Sekolah Melayu Kupang dan di-Kampung Setia Pahlawan Lama dari pukul 2.30 hingga 4.30 petang.
8 September — Di-Mesjid Sengkuring dari pukul 8 hingga 10 malam.
9 September — Di-Sekolah Melayu Danau dari pukul 3 hingga 5 petang dan di-Kampong Baharu, Temburong dari pukul 2.30 hingga 4.30 petang.

PERADUAN PERARAKAN KERETA DAN BASIKAL BERTIAS

BANDAR BRUNEI. — Peraduan2 perarakan kereta dan basikal bertias akan di-adakan di-sini bagi menyambut Hari Ulang Tahun Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan. Peraduan kereta bertias akan di-adakan mulai pada pukul 2 petang dan sa-kali lagi mulai pada pukul 7.30 malam, 23 Septem-

ber. Peraduan basikal bertias hanya di-adakan pada petang hari tersebut.

Borang2 permohonan hendaklah di-hantarkan kepada Inche Ibrahim Yahya, Pengurus peraduan tersebut di-Pejabat Kerja Raya, Bahagian Jalan Raya, Bandar Brunei sa-belum 10 September.



Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan kelihatan di atas sa-buah pentas pada istiadat pembukaan rasmi Mesjid Keriam. Pada masa tersebut murid2 Sekolah Melayu Keriam seopang menggambar ramai orang2 yang hadir di-majlis pembukaan rasmi Mesjid Keriam.



Baginda tiba di-kawasan Mesjid Keriam baharu2 ini untuk melangsungkan pembukaan rasmi. Duli Yang Maha Mulia kelihatan di-tenoah2 gambar ini.

LORD LANSDOWNE MELAWAT BRUNEI

BERAKAS. — Menteri Negara Inggeris mengenai hal chwal tanah2 jajahan, Lord Lansdowne dan rombongan telah tiba di-Brunei dengan sa-buah kapal terbang khas pada petang 24 Ogos dari Lutong, Sarawak.

Lord Lansdowne dan rombongan di-sambut di-lapangan terbang Berakas oleh Pesuroh Jaya Tinggi Inggeris di-Brunei, Yang Terutama Sir Dennis White; Setia Usaha Kerajaan, Brunei, Yang Berhormat Raja Azam bin Raja Haji Kamaralzaman; Timbalan Setia Usaha Kerajaan, Yang Berhormat Dato

Setia Pengiran Haji Mohamad Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahim; dan Pesuroh Jaya Pulis Negeri Brunei, Inche A.N. Outram.

Turut tiba di-Brunei dengan kapal terbang tersebut ia-lah Setia Usaha Tetap kepada Pejabat Perdana Menteri, Persekutuan Tanah Melayu, Dato Abdul Aziz bin Haji Abdul Majid; Setia Usaha kepada Kementerian Keselamatan Dalam Negeri, Persekutuan Tanah Melayu, Dato Nik Daud bin Nik Mat; Timbalan Setia Usaha kepada Kementerian Kemajuan Luar Bandar Persekutuan Tanah Melayu Inche Ferguson dan sa-orang juru trengkas Inche Oomen.

Pada malam tersebut Yang Terutama Pesuroh Jaya Tinggi Inggeris di-Brunei telah mera'ikan Lord Lansdowne dan pelawat2 agong itu ka-satu majlis jamuan makan kecil dan minuman di-Rumah Pesuroh Jaya Tinggi.

Lord Lansdowne telah mengadap Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin di-Istana Darul Hana pada pukul 10.30 pagi 25 Ogos dan telah berlepas ka-Borneo Utara bersama2 dengan para pelawat agong tersebut dengan menaiki sa-buah kapal terbang khas.

Kaptan Muton Ka-Kuching

BERAKAS. — Pegawai Laut Negara, Brunei, Kaptan E.H. Muton telah berlepas dengan kapal terbang ka-Kuching pada 25 Ogos untuk menerima dengan rasmi kapal "Bolkiah" yang diperbaiki di-Limbongan Kapal Rajah Brooke di-sana.


Kaptan Muton berkata sa-belum berlepas ka-Kuching bahawa kapal Bolkiah itu akan singgah di-Sibu dalam pelayaran balek ka-Brunei untuk mengambil wakil2 pengakap dari Negeri Brunei yang menghadiri perkhemahan pengakap dari wilayah2 Borneo di-sana.

MELAWAT BRUNEI

BERAKAS. — Empat orang wakil dari Surohan Jaya Pilehan Raya Persekutuan Tanah Melayu telah melawat ka Brunei pada hari Thalatha 28 Ogos yang lalu atas undangan Kerajaan Brunei untuk memerhatikan keadaan pilehan raya Majlis2 Meshuarat Daerah.

Beliau2 itu ia-lah Inche Abdul Khalid bin Jaffar, Inche Chew Hin Fah, Inche P. Kupusamy dan Inche T.P. Murugasu.

Mereka telah disambut di-Lapangan Terbang Berakas oleh Penasehat Pilehan Raya, Inche Mohamed Yusuf bin Haji Othman dan Penyelia Pilehan Raya, Inche Matnoor MacAfee.



Satu pemandangan di-Tambatan Kastam Diraja, Bandar Brunei sa-belum Askar2 Melayu Brunei meninggalkan Tanah Ayer untuk meneruskan lathen di-Persekutuan Tanah Melayu baharu2 ini.



Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin telah merasmikan pembukaan kursus Ugama di-Maktab Perguruan Melayu Brunei baharu2 ini. Dalam gambar ini kelihatan Duli Yang Maha Mulia di-sambut oleh sa-orang Pegawai Ugama pada mesa Baginda tiba di-dewan Maktab Perguruan Melayu Brunei.

MAJLIS2 CHERAMAH KURSUS UGAMA

BERAKAS. — Peguam Negara Brunei, Yang Berhormat Dato Abdul Aziz bin Haji Mohamed Zain telah memberi satu cheramah mengenai susunan Perlembagaan Negeri Brunei kepada Guru2 Ugama serta Pegawai2 Ugama yang menghadiri kursus ugama di-Maktab Perguruan Melayu Brunei pada pagi 28 Ogos.

Pada pagi hari tersebut juga, penasehat Ekonomi Pertubohan Bangsa2 Bersatu di-Brunei, Doktor J.S. Gould telah bercheramah mengenai perekonomian.

Setia Usaha, Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei, Yang Amat

Mulia Pengiran Muda Kemaludin telah menjadi pengurus di-ke-dua2 majlis tersebut.

Kemudian Inche Shaik Othman bin Shaik Hanif dari Rumah Sakit Besar, Brunei telah memberi cheramah kepada Guru2 dan Pegawai2 Ugama tersebut mengenai ilmu kesehatan.

Majlis itu di-pengurusikan oleh Awang Tahir bin Pehin Udana Khatib Haji Awang Umar, Pen-dia'awa Raya Shariah, Brunei.

Parajurit2 Ka-Malaya Sa-Lepas Berchuti

BANDAR BRUNEI. — Seramai 30 orang parajurit2 Askar Melayu Brunei yang telah balek ka-Brunei untuk berchuti sa-lama dua minggu telah belayar ka-Singapura melalui Labuan pada 20 Ogos dalam perjalanan ka-Persekutuan Tanah Melayu untuk meneruskan lathen di-sana.

Parajurit2 itu telah di-sertai oleh dua orang juru lathen ia-itu Pegawai Bertauliah Klas Satu

Abdul Majid bin Baba dan Sarjan Abdullah bin Mohammed.

Sa-belum parajurit2 itu meninggalkan Tanah Ayer, mereka telah berbaris di-Tambatan Kastam Di-Raja di-Bandar Brunei. Kemudian sa-orang Pegawai Ugama telah membachakan do'a selamat dan sa-baik sahaja kapal yang membawa mereka ka-Labuan undor dari Tambatan Kastam Di-Raja, sa-orang lagi Pegawai Ugama telah menyuarakan azan.

PEGAWAI2 MUDA ASKAR MELAYU BRUNEI

BERAKAS. — Lima orang Pegawai2 Muda Askar Melayu Brunei telah berlepas ka-Persekutuan Tanah Melayu dengan kapal terbang pada 23 Ogos untuk meneruskan lathen mereka di-Maktab Tentera Persekutuan Tanah Melayu di-Sungai Besi, Selangor.

Mereka ia-lah Awangku Ibnu bin Pengiran Apong, Inche Mohamed bin Haji Daud, Inche Sulaiman bin Damit, Inche Arifin bin Abdul Wahab dan Inche Yusof bin Sa'id.

Pegawai2 Muda Askar Melayu Brunei tersebut telah berada di-Brunei sa-lama tiga minggu untuk berchuti.

Tun Razak Tik

BERAKAS. — Timbalan Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu, Tun Abdul Razak bin Hussain di-sertai oleh Setia Usaha Sulit-nya Inche Abdul Aziz bin Hussain telah singgah di-lapangan terbang Brunei pada 26 Ogos dalam perjalanan ka-Sandakan, Borneo Utara untuk mengadakan perundingan2 dengan Menteri Negara Inggeris mengenai hal chwal tanah2 jajahan, Lord Lansdowne, mengenai pembentokan Persekutuan Melayu Raya.

Tun Abdul Razak telah di-temui di-lapangan terbang Brunei oleh Pesuroh Jaya Tinggi Inggeris di-Brunei, Yang Terutama Sir Dennis White; Menteri Besar Brunei, Yang Amat Berhormat Dato Setia Marsal bin Ma'un; Setia Usaha Kerajaan Brunei, Yang Berhormat Raja Azam bin Raja Haji Kamaralzaman, Timbalan Setia Usaha Kerajaan, Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Haji Mohamad Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahim dan Peguam Negara Brunei Yang Berhormat Dato Abdul Aziz bin Haji Mohamed Zain.

Pertandingan Bola Keranjang

Kerja2 Kosong

BANDAR BRUNEI. — Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Pemancha telah merasmikan pembukaan pertandingan bola keranjang kejohanan Borneo bahagian2 lelaki dan perempuan di-kawasan permainan bola keranjang Persatuan Bekas Penuntut2 Sekolah Chung Hwa di-sini pada malam 24 Ogos.

Ketika malangsungkan upacara tersebut Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Pemancha berkata antara-nya bahawa Y.T.M. berharap pertandingan itu akan memperbaiki lagi perhubungan2 per-sahabatan yang tebih jauh di-antara ra'ayat dari ketiga2 buah wila-yah Borneo ini.

Duli Pengiran Pemancha juga berkata bahawa pertandingan ke-johanan bola keranjang itu akan memperbaiki lagi taraf permainan bola keranjang di-wilayah Borneo.

Sa-lepas itu Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Pemancha telah di-perkenalkan kepada pegawai2 dan ahli2 pasukan2 yang mengambil bahagian dalam per-tandingan bola keranjang itu.

Pertandingan bola keranjang itu telah tidak dapat di-jalankan pada malam tersebut di-sebabkan hujan lebat.

Bagaimana pun pertandingan telah di-jalankan juga pada malam 25 Ogos meskipun hujan telah juga turun pada malam itu.

Pertandingan kejohanan bola keranjang itu yang telah di-jadualkan tamat pada malam 26 Ogos telah di-undorkan ka-malam 27 Ogos.

Hadiah2 kepada pasukan2

yang berjaya dalam pertandingan tersebut telah di-sampaikan oleh Datin Zubaidah, isteri Menteri Besar Brunei di-Brunei Hotel pada malam 28 Ogos.

Menteri Besar Brunei Yang Amat Berhormat Dato Setia Marsal ia-lah di-antara orang yang hadir di-majlis itu.

Sa-belum Datin Zubaidah menyampaikan hadiah, Yang Dipertua Persatuan Bola Keranjang Negeri Brunei, Inche Ong Kim Kee telah mengucapkan berbilang2 terima kaseh kepada Datin Zubaidah yang telah sudi datang ka-majlis itu untuk menyampaikan hadiah2 dan juga atas kehadiran Yang Amat Berhormat Dato Setia Marsal di-majlis itu.

Inche Ong Kim Kee telah mengucapkan tahniah kepada pasukan2 yang menjadi johan dalam pertandingan tersebut sambil berkata bahawa pasukan2 yang

kalah jangan-lah putus asa hendak bermain dengan bersungguh2 pada masa hadapan kelak.

Piala emas yang berharga \$10,000 di-hadiahkan oleh sa-orang hartawan Negeri Sarawak, Inche Wee Kheng Chian untuk pasukan bola keranjang bahagian lelaki yang menjadi johan dalam pertandingan bola keranjang antara pasukan2 yang mewakili Negeri2 Brunei, Sarawak dan Borneo Utara telah di-menangi oleh Negeri Sarawak.

Ini-lah tahun yang ke-dua berturut2 Negeri Sarawak berjaya menyanggah gelaran kejohanan tersebut.

Negeri Brunei telah menjadi naib johan dalam bahagian lelaki manakala Borneo Utara mendapat gelaran yang ke-tiga.

Dalam bahagian wanita pula Borneo Utara telah menjadi johan, di-turuti oleh Negeri Sarawak dan Negeri Brunei.

Pertandingan kejohanan bola keranjang di-antara ketiga2 negeri tersebut akan di-adakan di-Negeri Sarawak dalam tahun hadapan.

Permohonan2 ada-lah di-jemput bagi jawatan Penyelenggara Setor Tingkat III di-Pejabat Ukor, Brunei.

Gaji ialah dalam tingkatan E.1-2-3 \$183x7-211-220x10-260x20-280-292-300.

Hanya permohonan2 yang mempunyai kelayakan dan pengalaman seperti berikut boleh di-timbangkan:—

- (a) Pemohon2 mesti-lah dari ra'ayat2 Sultan Brunei atau pun berhak untuk menjadi ra'ayat2 Sultan.
- (b) Pemohon2 mesti-lah berkelulusan Darjah V Sekolah Melayu dan Form I Sekolah Inggeris atau yang bersamaan.
- (c) Pemohon2 mesti-lah mempunyai tulisan yang baik.
- (d) Pemohon2 mesti-lah berkelulusan Ilmu Hisab bahagian Rendah.
- (e) Pemohon2 mesti-lah mempunyai pengalaman sekurang2-nya 2 tahun dalam hal setor.

Permohonan2 daripada Pegawai Kerajaan hendak-lah di-hantar melalui Ketua2 Pejabat2.

Permohonan2 yang mesti di-isi dalam borang2 yang boleh di-dapati dari Pegawai Perjawatan, Brunei, hendak-lah di-hantar kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei tidak lewat dari 26 September, 1962.

Permohonan2 ada-lah di-jemput bagi jawatan Pekerja Kabajikan Masyarakat di-Pejabat Kabajikan Masyarakat Negeri, Brunei.

Chalun2 mesti-lah ra'ayat Sultan dan lulus Darjah V Sekolah Melayu dan Form III Sekolah Inggeris. Chalun2 mesti-lah mempunyai pengalaman bersangkut paut dengan so'al2 kemasharakatan. Hanya chalun2 yang mempunyai pengalaman yang disebutkan sahaja di-kehendaki memohon.

Gaji ia-lah dalam tingkatan \$211-220x10-260x20-280-290x20-310-330/350-370-380x20-560 dan gaji permulaan bergantung pada kelayakan dan pengalaman.

Permohonan2 yang mesti di-isi dalam borang2 yang boleh di-dapati dari Pegawai Perjawatan, Brunei, hendak-lah di-hantar kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat dari 26 September, 1962.

Permohonan2 daripada Pegawai Kerajaan hendak-lah di-hantar melalui Ketua2 Pejabat mereka.



Gambar kiri se-kali — Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Pemancha sedang di-perkenalkan kepada sa-orang ahli pasukan yang mengambil bahagian dalam pertandingan bola keranjang kejohanan wilayah Borneo. Gambar tengah — Pasukan lelaki. Gambar kanan se-kali — Datin Zubaidah kelihatan sedang menyampaikan Piala kepada Laong Seong Chan, Pelatih johan Bola Keranjang Brunei yang telah menjadi naib johan bahagian lelaki dalam pertandingan tersebut.

PERADUAN SEPAK RAGA JARING

BANDAR BRUNEI. — Pusingan pertama peraduan sepak raga jaring bagi Daerah Brunei di-bawah anjoran Persekutuan Guru2 Melayu Brunei untuk merebutkan tiga perisai2 kejohanan di-temasha sambutan Hari Ulang Tahun Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan telah pun di-selesaikan. Peraduan2 itu telah di-adakan di-kawasan sepak raga jaring Pejabat Keamanan di-sini.

Sa-banyak 26 pasukan telah mengambil bahagian dalam peraduan tersebut. 10 pasukan mengambil bahagian dalam pasukan "A" dan 16 pasukan mengambil bahagian dalam pasukan "B".

Keputusan mata yang di-dapati oleh tiap2 pasukan ia-lah:

Pasukan "A", kumpulan 1. Pertama — Persatuan Ikatan Pemuda — 8 mata. Kedua — Persatuan Sukan Raga Pemuda — 6 mata. Ketiga — Melayu Setia Badminton Pati — 4 mata. Keempat — Pejabat Keamanan — 2 mata dan kelima — Maktab Perguruan Melayu Brunei — 0 mata.

Pasukan "A", kumpulan 2. Pertama — Pejabat Perubatan — 8 mata. Kedua — Persatuan Ikatan Pemuda — 6 mata. Ke-

tiga — Pejabat Keamanan — 4 mata. Keempat — Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin — 2 mata dan kelima — Civic Centre — 0 mata.

Pasukan "B", kumpulan 1. Persatuan Ikatan Pemuda — 14 mata. Pejabat Perubatan — 12 mata. Maktab Perguruan Melayu Brunei — 8 mata. Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin — 8 mata. Murid2 Tua Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin — 6 mata. Pejabat Keamanan — 4 mata. Maktab Perguruan Melayu Brunei — 2 mata dan Pejabat Ukor 2 mata.

Pasukan "B", kumpulan 2. Persatuan Ikatan Pemuda — 14 mata. Pejabat Keamanan — 10 mata. Persatuan Sukan Raga Pemuda — 10 mata. Melayu Setia Badminton Pati — 8 mata.

Sekolah Menengah Sultan Muhammad Jamalul Alam — 8 mata. Pejabat Perubatan — 4 mata. Maktab Perguruan Melayu Brunei — 1 mata dan Civic Centre — 1 mata.

Peraduan bahagian kedua sedang di-jalankan di-kawasan sepak raga jaring Pejabat Besar Kerajaan di-Bandar Brunei.

Peraduan akhir akan di-adakan pada 24 September akan datang.



Gambar ramai Sa-bahagian daripada pemain2 sepak raga jaring anjoran Persekutuan Guru2 Melayu Brunei se-bagai mana yang di-beritakan di-muka ini. Berdiri di-kanan se-kali ia-lah Chegu Metusin bin Zainal, Pengurus, Jawatan Kuasa Peraduan Sepak Raga Jaring tersebut.

Persidangan Juru2 Hebah

KUALA LUMPUR. — Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu, Yang Teramat Mulia Tengku Abdul Rahman Putera Al-Haj telah merasmikan pembukaan Persidangan Juru2 Hebah Asia di-Kuala Lumpur pada 24 Ogos.

Seramai 22 buah negara telah mengambil bahagian dalam persidangan itu, di-antara-nya ia-lah Brunei, Sarawak dan Borneo Utara.

Wakil2 dari Negeri Brunei yang mengambil bahagian dalam persidangan tersebut ia-lah Timbalan Pengarah Siaran Radio dan Penerangan, Brunei, Inche Mohamed Salleh bin Abdul Kadir dan Jurutera Radio Brunei, Inche Michael Chin.

Yang Teramat Mulia Tengku Abdul Rahman Putera Al-Haj berkata pada masa merasmikan pembukaan persidangan tersebut beliau berharap bahawa perhubungan alat siaran radio dan televi-

si akan membawa kepada fahaman bersama antara negara2 di-Asia.

Kedua2 buah Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu dan Philipina telah bersetuju untuk bertukar2 rombongan siaran radio dan televisi, kata Tengku, sambil berharap agar-nya persidangan tersebut akan dapat meninggikan taraf persahabatan serta fahaman yang baik melalui pertukaran rancangan siaran radio antara negara2 di-Asia.

AHLI2 M. M. DAERAH BRUNEI



Setu pemandangan Ahli2 Majlis Meshuarat Daerah Brunei yang menang dengan tidak payah bertanding dan Ahli2 Majlis Meshuarat itu yang di-lantik oleh Kerajaan pada masa di-adakan upacara membecha do'a selamat di-Dewan Kemasyarakatan dalam bulan yang lalu.

Pertandingan "Talentine"

SERIA. — Pertandingan sajarah Akhir "Talentine" bahagian Inggeris di-bawah anjoran Radio Brunei telah di-adakan di-dewan Shell Recreation Club, Seria pada hari Ahad yang lalu.

Keputusan-nya ia-lah: Nyanyian bahagian sa-saorang — 1. Inche Ali Paun. 2. Inche Albert Chin. Nyanyian bergu di-menangi oleh Mathew dan saudaranya berumur 8 dan 9 tahun. Permainan alat bunyian bahagian sa-saorang di-menangi oleh Inche Ali Paun. Pancharagam yang terbaik sakali. Eugene Loo dan rakan2-nya.

Pengadil2 pertandingan tersebut ia-lah Inche Ralph Shaw, Inche W. Tocher dan Inche Cadogan-Edwards.

Pertandingan akhir "Talentine" itu akan di-adakan di-dewan Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin pada malam 8 September.

KA-SINGAPURA

BANDAR BRUNEI. — Penuntut2 tahun tiga Maktab Perguruan Melayu Brunei telah belayar ka-Singapura pada hari Ithin yang lalu dalam bidang lawatan mereka ka-sana dan juga ka-Persekutuan Tanah Melayu.

Sementara itu delapan orang pelawat dari Hongkong, mengandungi wartawan2 dan pensharah2 Universiti telah melawat ka-Brunei pada hari Ahad yang lalu di-bawah anjoran Sharikat Minyak Shell.



Sa-bahagian daripada Guru2 Pelatah Bahagian Brunei Satu dan Dua kelihatan dalam gambar ini bersama2 dengan bekas Guru Besar Sekolah Melayu S.M.J.A. Bandar Brunei, Chagu Awang Mohsin bin Pengiran Damit yang telah di-lantik menjadi Nadsir, Sekolah2 Melayu Daerah Belait tidak berapa lama dahulu. — Gambar kiriman CALBA SMJA, Brunei.

Peraduan Tanglong Berjalan Kaki

BANDAR BRUNEI. — Orang ramai ada-lah di-jemput untuk mengambil bahagian dalam peraduan tanglong berjalan kaki yang akan di-adakan di-sini pada malam 23 September sa-bagai salah satu acara sambutan Hari Ulang Tahun Keputeraan Duli

Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan.

Sharat2 bagi memasoki peraduan itu ia-lah seperti berikut.

Tiap2 pasokan tidak-lah boleh lebeh daripada 30 orang. Tiap2 pasokan hanya di-benarkan membawa sa-biji tanglong sahaja.

Pasokan2 tidak di-benarkan menggunakan keinderaan.

Peraduan tersebut ada-lah di-bahagikan kepada tiga bahagian ia-itu: (a) Orang2 dewasa, kampong2, persatuan2 dan Sekolah2 Tinggi lelaki (b) Sekolah2 Tinggi perempuan dan (c) Sekolah2 Rendah lelaki dan perempuan.

Permohonan bagi memasoki peraduan tersebut hendak-lah di-alamatkan kepada Pengerusi, Peraduan Tanglong Berjalan Kaki, Sambutan Hari Ulang Tahun Keputeraan Duli Yang Maha Mulia, d/a Pengiran Damit bin Pengiran Sunggoh, Jabatan Pertanian Negara, Brunei tidak lewat dari 16 September, 1962.



Wanita2 dalam gambar ini yang menjadi kerani2 memeriksa undi pilihan raya baharu2 ini kelihatan sedang mengangkat sumpah di-Pejabat Pilihan Raya, Bandar Brunei. Di-tiri sa-kali ia-lah Majistret tempatan, Inche Jaya bin Abdul Latif.

Penerangan Pilihan Raya

BANDAR BRUNEI. — Penasihat Pilihan Raya Brunei, Inche Mohamed Yusof bin Haji Othman telah memberi penerangan kepada Pegawai2 Pengurus dan Kerani2 Mengira Undi di-Pejabat Pilihan Raya di-sini pada pagi 27 Ogos berhubung dengan kerja2 mengira kertas2 undi pilihan raya Majlis Meshuarat Daerah.

Dalam penerangan-nya Inche Yusof juga telah menerangkan berbagai2 perengkat yang terkan-

dong dalam peratoran2 mengenai kerja2 mengira kertas2 undi.

Kerani2 mengira undi itu juga telah mengangkat sumpah di-Pejabat Pilihan Raya pada pagi hari tersebut di-hadapan Majistret Tempatan, Inche Jaya bin Abdul Latif.

Pasokan Sukarela

JESSELTON. — Tiga puluh orang bangsa Amerika dari Pasokan Sukarela untuk keamanan telah tiba di-Jesselton pada 23 Ogos.

Tujuan besar mereka tiba di-sini ia-lah untuk berkhidmat dengan sukarela di-berbagai2 lapangan, seperti perguruan, pertanian, kesehatan dan lain2-nya.

Di-samping itu, pada masa tinggal di-sini anggota2 Pasokan Sukarela Amerika tersebut akan mempelajari chara2 penghidupan penduduk2 di-Borneo Utara.

PERADUAN JENAKA

BANDAR BRUNEI. — Satu peraduan lawak jenaka akan di-adakan di-Bandar Brunei pada masa sambutan Hari Ulang Tahun Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan.

Tiap2 pasokan tidak boleh lebeh dari empat orang dan 10 minit sahaja di-benarkan untuk satu pasokan. Peserta2 tidak di-benarkan menyinggong sa-barang ugama dan kebudayaan.

Permohonan2 hendak-lah di-alamatkan kepada Pengelola, Peraduan2 Lawak jenaka dan Pakaian Beragam, Sambutan Hari Ulang Tahun Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan, d/a Jabatan Siaran Radio dan Penerangan, Bandar Brunei tidak lewat dari 20 September.

KA-DJAKARTA

BERAKAS. — Rombongan sukan dari Borneo Utara yang mengambil bahagian di-temasha Sukan Asia telah singah di-Lapangan Terbang Berakas pada 22 Ogos dalam perjalanan ka-Djakarta.

Rombongan itu ada-lah di-ke-tuai oleh Inche G.S. Kler yang juga menjadi sa-orang ahli Lembaga Pergabungan Sukan Asia.